

Penduduk Labuan terima agihan beras sempena Hari Wilayah Persekutuan

LABUAN: Program MyBeras @ Wilayah di bawah Cakna Kemiskinan diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif tambahan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman berkata, pelaksanaan program itu adalah selaras dengan dasar Wilayah Prihatin yang diilhamkan Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa.

“Program MyBeras @ Wilayah merupakan tambahan program MyFood @ Wilayah dijangka menyantuni 1,600 warga Labuan melalui pengagihan sumbangan beras percuma bermula 1 Februari,” katanya.


Fary mula menyampaikan sumbangan fasa pertama itu sempena Hari Wilayah pada Isnin yang diagihkan secara pandu lalu di perkarangan bangunan Blok A Wisma Perbadanan Labuan.

Sejumlah 150 unit MyFood @ Wilayah dan MyBeras @ Wilayah telah diagihkan sepanjang program berlangsung pada Isnin.


Manakala Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) akan mengedar bantuannya untuk rakyat melalui Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) tiga kali seminggu setiap Isnin, Rabu dan Jumaat sepanjang Februari 2021.

“Bagaimanapun, tempoh agihan sumbangan akan dilanjutkan sehingga Jun 2021 sekiranya mendapat lebih banyak sumbangan dari orang ramai dan badan korporat,” katanya.

Sebagai makluman, YWP diberi tanggungjawab mengumpulkan sumbangan yang diterima bagi menjayakan program MyBeras @ Wilayah seperti hasil dari



HARI WILAYAH: Fary meletakkan bendera Wilayah pada kenderaan.



BANTUAN: Fary mengagihkan beras secara pandu lalu.

perniagaan YWP, sumbangan korporat serta individu prihatin termasuk Annuar.

Sebelum ini, Annuar selaku Pengerusi YWP berkata Program MyBeras @ Wilayah telah dirasmikan Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin bertujuan meringankan beban warga Wilayah Persekutuan.

“Kalangan penerima terdiri daripada golongan miskin bandar atau B40 yang terjejas pendapatan akibat COVID-

19 di Wilayah Persekutuan,” katanya.

Penduduk boleh mendapatkan bantuan berkenaan melalui kupon yang diperolehi dari MPP zon masing-masing.

Manakala kupon pelbagai warna dan tarikh sah laku diperkenalkan untuk mengekang lambakan bekalan beras dan kesesakan mendapatkan sumbangan pada satu-satu masa.

Jelasnya, langkah itu diam-

bil bagi mengadaptasi norma baharu serta mengamalkan SOP yang dianjurkan Kementerian Kesihatan Malaysia selain mengekang penularan wabak COVID-19.

Sementara itu, Fary mengajak semua warga Labuan untuk sama-sama memeriahkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2021 dengan menyertai program dengan SHWP secara virtual di platform media sosial.